

| | | | |
|------------|-----------------------|-------------|----------------------|
| Headline | 45 TAHUN PASANG NIAT | | |
| MediaTitle | Harian Metro | Color | Full Color |
| Date | 25 Jul 2016 | Circulation | 1,270,667 |
| Section | Setempat | Readership | 3,812,000 |
| Page No | 10,11 | ArticleSize | 1346 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 53,024 |
| Journalist | Farah Suhaidah Othman | PR Value | RM 159,073 |
| Frequency | Daily | | |



45 TAHUN PASANG NIAT

■ *Pesara kerajaan simpan sikit-sikit gembira terpilih tunai haji bersama isteri*

Farah Suhaidah Othman
am@hmetro.com.my

Kuala Kangsar

Bermula dengan simpanan RM5 dalam Tabung Haji (TH) menerusi gaji pertamanya pada 1969, impian seorang pesara kerajaan menunaikan haji akhirnya tercapai apabila namanya tersenarai tahun ini.

Mohamad Ali Abdul Manap, 65, berkata, berkat kesabarannya menyimpan sedikit demi sedikit, akhirnya simpanan itu mencukupi untuk menunaikan haji sebelum mendaffar menunaikan rukun Islam ke lima itu pada 2007.

"Pada peringkat awal, saya menabung RM5 menerusi potongan gaji, maklumlah baru mula bekerja sebagai pembantu tadbir di sekolah.

"Lama kelamaan jumlah itu semakin meningkat dan kalau ada re-

zeki lebih, saya akan menyimpan di TH," katanya yang ditemui pada program Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Perak di Dewan Jubli Perak, di sini, semalam.

Mohamad Ali berkata, lebih menggembirakannya lagi apabila dia dan isteri terpilih ke Tanah Suci pada tahun ini sedangkan menurut giliran sepatutnya mereka berdua menunaikan haji tahun hadapan.

Sementara itu, Hendon Abdul Hamid, 67, kakak kepada pelakon dan pelawak, Allahyarham Mohd Yusof Abdul Hamid atau lebih popular dengan panggilan Mr Os berkata, dia mula menyimpan di TH sejak bersara sebagai kakitangan di sebuah syarikat swasta.

"Selepas bersara, saya uruskan inap desa milik arwah (Mr Os), jadi

sedikit sebanyak dapat membantu simpanan saya untuk menunaikan haji," katanya.

Bagi Rafizan Abd Samad, 42, pula, dia memang berhasrat menunaikan haji pada usia muda dan dapat melakukan ibadah haji tanpa mensahkan orang lain.

Katanya, dia sanggup berbelanja lebih untuk menyertai bakal jemaah haji menerusi agensi pengelola umrah dan haji.

"Saya dan suami mulai mendaftar sejak empat tahun lalu dan tahun ini Alhamdulillah dapat menunaikan ibadah itu bersama suami.

"Meskipun mendaftar menerusi agensi namun ia masih melalui saluran betul iaitu menerusi kelulusan TH," katanya.